

Mahathir kepada pensyarah2 luar

Minta kebenaran dulu sebelum buat ceramah di sekolah

U.M. 29 MAC 1975

PULAU PINANG 28 Mac — Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua pensyarah luar yang hendak memberi ceramah di sekolah-sekolah mesti terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri.

Sekiranya tajuk ceramah yang hendak diberikan adalah mengenai perkara agama, persetujuan jabatan agama tempatan hendaklah diperolehi.

Langkah kawalan ini telah diumumkan oleh menteri berkenaan. Dr. Mahathir

bin Mohamad di hadapan lebih 300 guru besar seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai di sini malam tadi.

Kawalan

Berucap dalam majlis makan malam meraikan lawatan rasminya yang pertama ke Pulau Pinang, Dr. Mahathir berkata, kawalan demikian adalah sebahagian dari usaha mengetatkan lagi disiplin dalam sekolah-sekolah.

Menurut beliau, per-

bincangan telah diadakan oleh kementerian dengan tujuan mengemaskan lagi tata-panduan bagi sekolah-sekolah.

Adalah diharapkan usaha tersebut apabila dilaksanakan akan dapat membaiki lagi tingkah laku dan disiplin di kalangan murid, ujarnya.

Menteri itu berpendapat bahawa tanpa disiplin yang baik, seseorang murid itu tidak akan dapat menghadapi cabaran zaman.

Melalui disiplin juga negara dapat mengadakan para pemimpin yang berjiwa besar dan tidak pecah amanah.

Bellau membidas golongan yang memperjuangkan konsep "Liberalism" untuk diadakan di Malaysia seperti yang terdapat dalam negara-negara perindustrian barat.

Katanya, konsep serupa itu tidak sesuai ditiru kerana sebagai sebuah negara yang sedang membangun rakyatnya berkehendakan disiplin.

Dr. Mahathir seterusnya mengesyorkan supaya sekolah-sekolah menghidupkan kembali acara senaman beramal-ramal.

Kegiatan seperti itu katanya dapat menolong membentuk peribadi kanak-kanak supaya bertindak secara serentak untuk mencapai hasil yang baik.

Satu lagi amalan yang patut digalakkan di kalangan murid-murid sekolah ialah nyanyian lagu-lagu kebangsaan dengan tujuan menumbuhkan semangat kebangsaan dan cintakan negara.